



كِرَاءَان نَغَرِي كَدَاه دَارُ الْاَمَانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795
Laman Web : pkpk.kedah.gov.my
E-mel : pkpk@kedah.gov.my

كِدَاه سَجَاهْتِرا
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj.Kami: Bil. (11) dlm. P.Kw.N(K)2055 (SST)

Tarikh: 28 Syawal 1445H

7 Mei 2024

Semua Ketua Jabatan, Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Kedah
Semua Ketua Jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah
Semua Ketua Jabatan, Badan Berkanun Negeri Kedah

YB Dato' / YBhg. SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YBhg. Dato' Paduka / YBhg. Dato' /
YBhg. Datuk / Tuan / Puan,

**CADANGAN PELAKSANAAN PERUBAHAN CUKAI PERKHIDMATAN DARIPADA 6%
KEPADA 8% KE ATAS KONTRAK PEROLEHAN KERAJAAN**
[P.Kw.N(K)0982 JLD.26(9)]

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan, Cabutan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah melalui
Kertas No. 7(F)117/2024 bertarikh 24 April 2024 telah memutuskan seperti berikut:

- a) **Bersetuju pelaksanaan Cukai Perkhidmatan seperti Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2024 adalah berkuatkuasa serta merta;**
- b) **Bersetuju supaya setiap Jabatan dan Agensi menyemak semula SST yang telah ditandatangani sebelum dan selepas 1 Mac 2024.**

3. Perkhidmatan yang tidak terlibat dengan kadar kenaikan Cukai Perkhidmatan 8% adalah:

- a) Perkhidmatan makanan dan minuman;
- b) Perkhidmatan telekomunikasi;
- c) Perkhidmatan ruang letak kenderaan; dan
- d) Perkhidmatan logistik (termasuk kiriman cepat atau kurier, pengurusan pengudangan dan ejen kastam)

Bil. (11) dlm. P.Kw.N(K)2055 (SST)

4. Jabatan dan agensi mestilah membuat semakan terhadap semua kontrak semasa yang masih berkuat kuasa sama ada terlibat dengan pelarasan harga kontrak disebabkan item dibawah kontrak yang berkuat kuasa adalah termasuk di bawah kategori 'perkhidmatan bercukai'. **Sebarang perubahan kepada kontrak mestilah mendapat pandangan daripada Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah terlebih dahulu.**

5. Tatacara penyediaan Surat Setuju Terima (SST) bagi kontrak baharu yang termasuk di bawah kategori 'perkhidmatan bercukai' yang berkuat kuasa pada / selepas 1 Mac 2024 adalah seperti jadual di bawah:

Senario	Status SST	Tindakan Agensi
Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PMB): Sebelum 1 Mac 2024	SST telah dikeluarkan sebelum 1 Mac 2024 dengan penetapan kadar Cukai Perkhidmatan 6%	SST dikeluarkan dengan penetapan kadar 6%
Keputusan PBM: Sebelum 1 Mac 2024	SST belum dikeluarkan pada Tarikh kuat kuasa peralihan kadar Cukai Perkhidmatan	SST dikeluarkan dengan penetapan kadar 8%
Keputusan PBM: Pada / Selepas 1 Mac 2024	SST belum dikeluarkan pada tarikh kuat kuasa peralihan kadar Cukai Perkhidmatan	SST dikeluarkan dengan penetapan kadar 8%

6. Jabatan dan agensi dibenarkan membuat pembayaran dengan menggunakan peruntukan semasa jabatan.

7. Sehubungan dengan itu, arahan ini hendaklah dibaca bersama-sama surat pekeliling MOF rujukan MOF.BPK(S)600-1/3/19 JLD 2(4) bertarikh 28 Februari 2024 dan PK 1.13: Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan Dalam Perolehan Kerajaan.

Segala kerjasama dan pematuhan pihak YB Dato' / YBhg. SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YBhg. Dato' Paduka / YBhg. Dato' / YBhg. Datuk/ Tuan / Puan terhadap arahan ini amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Bil. (11) dlm. P.Kw.N(K)2055 (SST)

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN,
DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.)**
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

s.k. :

1. Bendahari Negeri Kedah
2. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan)
3. Ketua Akauntan
4. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Analisa dan Pemantauan Pelaburan)
5. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Perolehan)
6. Pegawai Teknologi Maklumat

☎: 04-7027759
✉ pkpk_perolehan@kedah.gov.my
PKN/KPPKN(B)/ KPPKN(P)/mbm/SST8%/Perolehan/2024